



M a n u a l

Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

En. Abdul Rahim Bin Ibrahim

En. Khor Seow Loon

Pn. Salina Bt. Sumali

Edisi Pertama 2020

© ABDUL RAHIM BIN IBRAHIM, KHOR SEOW LOON, SALINA BINTI SUMALI

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk yang lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, gambar, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada Politeknik Port Dickson.

SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

EDISI POLITEKNIK

ISBN:

Penulis:

ABDUL RAHIM BIN IBRAHIM
KHOR SEOW LOON
SALINA BINTI SUMALI

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK PORT DICKSON
KM 14 JALAN PANTAI
71050 SI RUSA,
PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN
TEL: 06-662 2000/2111 FAKS: 06-66202026/2027

Laman Web: www.polipd.edu.my

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA

SURAT

Kandungan

1.0 PENGENALAN		1-5
i. Latar Belakang		1
ii. Fungsi		2
iii. Struktur		2
iv. Visi & Misi Politeknik Port Dickson		4
v. Produk Dan Perkhidmatan		4
2.0 SKOP		5-7
2.1 Skop		5
2.2 Tujuan		6
2.3 Perancangan-Pelaksanaan-Pemantauan-Tindakan (PDCA)		6
3.0 TERMA DAN DEFINISI		8 - 13
4.0 KONTEKS ORGANISASI		13 -17
4.1 Pemahaman Organisasi Dan Konteks Organisasi		13
4.2 Pemahaman Keperluan Dan Jangkaan Pihak Berkepentingan		14
4.3 Menentukan Skop SPKKP		16
4.4 Sistem Pengurusan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja		17
5.0 KEPIMPINAN DAN PENGLIBATAN PEKERJA		18-21
5.1 Kepimpinan Dan Komitmen		18
5.2 Polisi KKP		19
5.3 Peranan, Tanggjawab dan Bidang Kuasa Organisasi		20

5.4	Rundingan Dan Penglibatan Kakitangan	20
6.0	PERANCANGAN	21-26
6.1	Tindakan Menyatakan Risiko Dan Peluang	21
6.1.1	Umum	21
6.1.2	Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko Dan Peluang (HIRARC)	22
6.1.2.1	Pengenalpastian Hazard	22
6.1.2.2	Penaksiran Risiko KKP Dan Lain-lain Risiko Terhadap SPKKP	23
6.1.2.3	Penaksiran Peluang KKP Dan Lain-lain Peluang Dalam SPKKP	24
6.1.3	Menentukan Keperluan Perundangan Dan Keperluan Lain	24
6.1.4	Perancangan Tindakan	25
6.2	Objektif KKP Dan Perancangan Untuk Mencapai	25
6.2.1	Objektif KKP	25
6.2.2	Perancangan Untuk Mencapai Objektif KKP	26
7.0	SOKONGAN	26-30
7.1	Sumber	26
7.2	Kompetensi	27
7.3	Kesedaran	27
7.4	Komunikasi	27
7.4.1	Am	27
7.4.2	Komunikasi Dalaman	28
7.4.3	Komunikasi Luaran	29
7.5	Maklumat Didokumentasikan	29
7.5.1	Am	29
7.5.2	Mewujudkan Dan Mengemas Kini	29
7.5.3	Kawalan Maklumat Didokumentasikan	29

8.0 OPERASI	30-33
8.1 Perancangan Dan Kawalan Operasi	30
8.1.1 Am	30
8.1.2 Penghapusan Hazard dan Mengurangkan Risiko KKP	31
8.1.3 Perubahan Pengurusan	31
8.1.4 Perolehan	32
8.1.4.1 Am	32
8.1.4.2 Kontraktor	32
8.1.4.3 Sumber Luar	32
8.2 Persediaan Dan Tindakan Kecemasan	33
 9.0 PENILAIAN PRESTASI	 33-37
9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis Dan Penilaian	33
9.1.1 Am	33
9.1.2 Penilaian Terhadap Pematuhan	34
9.2 Audit Dalaman	35
9.2.1 Am	35
9.2.2 Program Audit Dalaman	35
9.3 Kajian Semula Pengurusan	36
 10.0 PENAMBAHBAIKAN	 37-39
10.1 Umum	37
10.2 Insiden, Ketidakpatuhan Dan Tindakan Pembetulan	37
10.3 Penambahbaikan Berterusan	39

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	1 / 40

1.0 PENGENALAN

i. Latar Belakang

Politeknik Port Dickson (PPD) mula beroperasi pada tahun 1990. Ilmu yang dicurahkan lebih daripada 400 orang pensyarah akademik dan dibantu lebih kurang 200 orang staf sokongan menjadikan PPD institusi pengajian tinggi awam yang menjadi pilihan ramai. Sehingga kini, Politeknik Port Dickson telah berjaya melahirkan lebih daripada 35,000 lulusan dalam pelbagai program kejuruteraan dan perdagangan.

PPD ditadbir selia di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. Politeknik Port Dickson telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2008 pada 25 November 2009 dan *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) pada 26 Julai 2016. Ini bermakna pengajian dan pembelajaran di Politeknik Port Dickson telah mencapai tahap yang cemerlang dan diiktiraf dunia.

PPD sentiasa berusaha untuk membentuk sistem pendidikan teknikal bertaraf dunia yang memenuhi keperluan semasa negara. PPD mengambil langkah untuk menyediakan program kerohanian dan keinsanan, bimbingan kerjaya dan sokongan pendidikan yang mengambil kira potensi dan gaya pembelajaran individu bagi meningkatkan kesan pembelajaran, ketrampilan diri, kemahiran berkomunikasi dan pemikiran kritikal pelajar. Ke arah melahirkan graduan berkualiti, Politeknik Port Dickson sentiasa peka dengan permintaan industri terkini agar graduan Politeknik Port Dickson mendapat tempat yang selayaknya di arena pekerjaan.

PPD juga sentiasa bersedia ke arah transformasi sebagai satu usaha pemantapan politeknik agar lebih berdaya saing dan mencapai status setara dengan institusi pengajian awam yang lain di negara ini. Dalam merealisasikan transformasi ini penubuhan politeknik premier telah dijadikan sebagai salah satu wadah ke arah matlamat tersebut. Hasrat agar politeknik menjadi pilihan utama pelajar merupakan

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	2 / 40

satu cabaran yang besar. Menyedari hakikat ini politeknik mestilah berubah dan menyesuaikan institusinya agar relevan dengan kehendak pelajar dan pembangunan negara terutamanya di sektor industri.

PPD juga mengambil inisiatif bagi mewujudkan suasana persekitaran kerja dan pembelajaran yang dinamik dan kondusif demi memupuk percambahan dan keterbukaan minda untuk membangunkan potensi diri staf dan pelajar. Politeknik ini juga komited dalam menyediakan staf yang mencukupi serta berdedikasi komited, berdisiplin, bertanggungjawab dan produktif serta mempunyai kepakaran terkini sesuai dengan kehendak semasa industri.

ii. Fungsi

PPD adalah sebuah jabatan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menguruskan urusan pendidikan kejuruteraan dan perdagangan melalui Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK). Objektif utama PPD ialah untuk menyediakan tenaga pekerja separa profesional dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan melalui pendidikan dan latihan bagi memenuhi tenaga kerja terlatih negara. Program-program di PPD ditawarkan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan keputusan yang setara yang memenuhi syarat-syarat kemasukan pelajar Politeknik, KPM.

iii. Struktur

PPD diterajui oleh Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Pengarah Akademik (TPA), Timbalan Pengarah Sokongan (TPSA) dan Ketua Jabatan, Ketua Unit serta Pegawai Pengurusan.

a) Pengarah

- Pegawai Eksekutif Tertinggi
- Ketua Unit Komunikasi Korporat
- Pembantu Tadbir (Setiausaha Pejabat)

b) Timbalan Pengarah Akademik (TPA)

- Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam
- Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik
- Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
- Ketua Jabatan Perdagangan
- Ketua Jabatan Pengajian Am
- Ketua Jabatan Matematik Sains Komputer
- Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri
- Ketua Unit Peperiksaan
- Ketua Unit *Corporate Industry Service And Employment Centre*
- Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersilan
- Ketua Unit Jaminan Kualiti Dan Akreditasi

c) Timbalan Pengarah Sokongan (TPSA)

- Ketua Unit Jabatan Hal Ehwal Pelajar
- Ketua Unit Pembangunan dan Pengurusan Fasilitas
- Ketua Unit Jabatan Sukan, dan Ko-Kurikulum & Kebudayaan
- Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan
- Ketua Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia
- Ketua Unit Perpustakaan
- Ketua Unit Teknologi Maklumat
- Ketua Unit Pengurusan Psikologi
- Ketua Unit Keusahawanan
- Unit Pentadbiran
- Unit Kewangan
- Unit Perolehan
- Unit Aset dan Stor
- Unit Penyelidikan & Inovasi

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	4 / 40

- Jawantankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

iv. Visi & Misi Politeknik Port Dickson

Visi
• Menjadi institusi TVET unggul bertaraf global.
Misi
• Menghasilkan graduan TVET berkualiti, holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan yang memenuhi keperluan negara.
• Membangun dan melestarikan kerjasama pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar Negara.
• Memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

v. Produk dan Perkhidmatan

PPD menyediakan perkhidmatan Pengajian Politeknik dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan kepada lulusan SPM dan lulusan Politeknik Malaysia pada peringkat diploma. Permohonan kemasukan Politeknik adalah terbuka kepada pelajar lepasan SPM, Sijil Politeknik, [Kolej Komuniti](#), Institut Kemahiran Mara, Institut Pertanian, Institut Kemahiran Tinggi PERDA dan Kemahiran Malaysia (SKM).

Terdapat

13

Program di peringkat diploma dalam pelbagai bidang yang ditawarkan oleh PPD iaitu seperti berikut:

- a) Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)
 - Diploma Kejuruteraan Awam
 - Diploma Kejuruteraan Senibina

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	5 / 40

- b) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)
- Diploma Kejuruteraan Elektrik
 - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)
 - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
 - Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau)
 - Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga)
- c) Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal
 - Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
 - Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)
 - Diploma Kejuruteraan Mekatronik
- d) Jabatan Perdagangan (JP)
- Diploma Akauntansi
 - Diploma Pemasaran
 - Diploma Sains Kesyiausaha
 - Pra-Diploma Perdagangan

2.0 SKOP

2.1 Skop

Manual ini menyediakan keperluan kepada Sistem Pengurusan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan (SPKKP) dan memberi rujukan asas bagi mewujudkan kesihatan dan keselamatan di PPD dengan mencegah kecederaan dan penyakit kesihatan berkaitan pekerjaan serta meningkatkan prestasi Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan (KKP) secara proaktif. Ia dibangunkan berdasarkan keperluan dan piawaian ISO45001:2018 *Occupational Safety and Health (OSH) Management Systems – Requirements (First revision)*.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	6 / 40

2.2 Tujuan


Manual ini menyediakan satu sistem bagi PPD menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjaanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Manual ini bertujuan dan digunakan untuk:

- menyediakan rangka kerja bagi menguruskan risiko KKP dan peluang.
- mencegah kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan dan penyakit kesihatan dengan menghapuskan hazard.
- meminimakan risiko KKP dengan pendekatan pencegahan dan proaktif.
- meningkatkan prestasi KKP secara berterusan.
- mengambil tindakan awal dalam menyatakan peluang untuk memperbaiki prestasi KKP.
- memberi jaminan kepada pekerja dan pihak berkepentingan mengenai pelaksanaan SPKKP di PPD
- menyediakan keperluan mengenai integrasi elemen SPKKP dalam PPD sebagai komponen pengaturan dasar dan pengurusan.

2.3 Perancangan-Pelaksanaan-Pemantauan-Tindakan (PDCA)

Pendekatan SPKKP PPD yang digunakan adalah berdasarkan konsep PDCA seperti yang digambarkan oleh Rajah di bawah.



Konsep PDCA adalah proses berulang yang digunakan oleh PPD untuk mencapai penambahbaikan yang berterusan. Ia boleh digunakan untuk sistem pengurusan dan kepada setiap elemen individunya, seperti berikut:

- Perancangan: menentukan dan menilai risiko KKP, peluang KKP dan risiko lain dan peluang lain, menentukan objektif KKP dan proses yang diperlukan untuk menyampaikan keputusan mengikut dasar KKP PPD;
- Perlaksanaan: : Melaksanakan proses yang diperlukan;
- Pemantauan: memantau dan mengukur aktiviti dan proses berkaitan dengan dasar KKP dan objektif KKP, dan melaporkan hasil keputusan;
- Tindakan Penambahbaikan: mengambil tindakan untuk terus memperbaiki prestasi KKP untuk mencapai kehasilan yang dikehendaki.

3.0 TERMA DAN DEFINISI

Untuk memudahkan rujukan dan pemahaman terhadap manual ini, istilah dan definisi adalah dirujuk dalam dokumen **PPD-MOSH-01-02 Terma dan Definisi**.

<i>Bil.</i>	<i>Terma</i>	<i>Definisi</i>
1.	Pengarah PPD	Pengarah Politeknik Port Dickson.
2.	Pengurusan Tertinggi	Sekumpulan staf yang mengarah dan mengawal organisasi di peringkat atasan. Pengurusan Tertinggi mempunyai kuasa untuk membahagikan kuasa dan menyediakan sumber di dalam organisasi. Diketuai oleh Pengarah PPD dan dibantu oleh Timbalan Pengarah Akademik (TPA), Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA).
3.	Wakil Pengurusan	Wakil pengurusan Politeknik yang dilantik oleh Pengarah Terdiri dari kumpulan pengurusan iaitu Pengarah, TPA, TPSA, Ketua Jabatan, Ketua Unit dan pegawai yang dilantik dalam Mesyuarat Pengurusan.
4.	Jabatan	Jabatan yang diketuai oleh Ketua Jabatan (KJ) dan disokong oleh Pensyarah dan kakitangan sokongan.
5.	Warga PPD	Warga PPD ditakrifkan merujuk kepada pensyarah, kakitangan sokongan dan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian yang melakukan kerja di premis PPD.

6.	Kakitangan	Orang yang melakukan kerja atau aktiviti berkaitan pekerjaan di bawah kawalan PPD. Nota: Kakitangan PPD ditakrifkan merujuk kepada pensyarah, kakitangan sokongan.
7.	Tempat kerja	Lokasi fizikal dibawah kawalan PPD dimana kakitangan perlu berada atau pergi diatas urusan kerja.
8.	Bengkel dan Makmal	Bengkel dan Makmal yang diketuai oleh Penyelia Bengkel/Makmal yang menjadi tempat kebanyakan aktiviti KKP berlaku yang melibatkan pelajar, pensyarah dan orang-orang yang berurusan dengan keperluan aktiviti.
9.	Pihak yang berkepentingan	orang atau organisasi yang boleh menjejaskan, terjejas oleh, atau menganggap dirinya terpengaruh oleh keputusan.
10.	Kontraktor	Individu atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada majikan sejajar dengan spesifikasi yang dipersetujui mengikut terma dan syarat.
11.	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	Sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan dan berfungsi di peringkat PPD yang dianggotai oleh wakil daripada pihak pengurusan dan wakil daripada pihak pekerja.

12.	Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (KKP)	Keadaan dan faktor-faktor yang boleh memberi kesan terhadap kesihatan dan keselamatan kepada semua pihak yang berurusan dalam kawasan Politeknik Port Dickson .
13.	Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	Tujuan dan halatuju PPD yang dinyatakan secara rasmi oleh Pengurusan Tertinggi bagi mengelakkan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan, dan penyakit kesihatan serta menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat.
14.	Pegawai KKP (SHO)	Merangkap Setiausaha JKPP-PPD yang dilantik oleh Pengarah.
15.	Orang yang kompeten (OYK)	Individu yang ditentukan oleh majikan atau pihak berkuasa yang mengikuti latihan bersesuaian dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi, pengalaman dan kepakaran untuk prestasi kerja tertentu.
16.	Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (SPKKP)	Elemen yang berhubung kait untuk mewujudkan dan melaksanakan polisi kesihatan dan keselamatan pekerjaan bagi mencapai objektif tertentu. Sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan merupakan sebahagian daripada keseluruhan pengurusan sistem yang digunakan untuk menangani risiko dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan.
17.	Manual Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (PPD-MOSH)	Satu aturan yang mengandungi rumusan prosedur, arahan kerja dan rekod yang menepati piawaian ISO45001:2018.

18.	Prosedur Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (PPD- POSH)	Semua elemen yang berkaitan dengan prosedur dan keperluan dalam ISO45001:2018.
19.	Arahan Kerja Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan (PPD-WOSH)	Arahan –arahan kerja yang disediakan oleh Penyelia Bengkel/Makmal, disemak oleh AJK KKP dan disahkan oleh Ketua Jabatan.
20.	Perancangan	Merancang, menjadual, menyusun serta menyesuaikan aktiviti bagi memenuhi keperluan objektif. Penyusunan ini merangkumi sistem, program, aktiviti, proses, prosedur, rekod dan juga arahan. Penyusunan perlu berhubung dan bersesuaian untuk didokumentasi.
21.	Kecederaan dan/ atau Penyakit Kesihatan	Keadaan buruk fizikal, mental atau keadaan kognitif seseorang yang berpunca daripada aktiviti atau situasi kerja yang teruk.
22.	HIRARC	Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko
23.	Hazard	Sumber atau situasi yang boleh mendatangkan kecederaan dan penyakit kesihatan.
24.	Risiko Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan	Kombinasi kemungkinan berlaku satu kejadian yang berbahaya atau pendedahan dengan tempoh tertentu atau dalam keadaan tertentu dan keterukan kecederaan atau merosakkan kesihatan seseorang, harta benda, persekitaran atau mana-mana kombinasi ini disebabkan oleh kejadian atau pendedahan.
25.	Penaksiran risiko	Proses menganggarkan dan menilai risiko yang terhasil daripada bahaya, mengambil kira mana-mana kawalan sedia yang mencukupi dan menentukan

		samada risiko itu boleh diterima atau tidak.
26.	Peluang Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan	Keadaan yang dapat menambah baik prestasi KKP.
27.	Audit	Sistematik, bebas dan proses dokumentasi bagi mendapatkan keterangan dan menilainya secara objektif bagi menentukan setiap aspek itu dipenuhi.
28.	Insiden	Kerja yang berhubung dengan sesuatu peristiwa yang mana melibatkan kecederaan dan penyakit kesihatan. Nota: 1) Insiden yang melibatkan kecederaan dan penyakit kesihatan dirujuk sebagai kemalangan. 2) Insiden yang tiada melibatkan kecederaan dan penyakit kesihatan tetapi berpotensi berlaku dirujuk sebagai kemalangan nyaris. 3) Insiden boleh berlaku apabila terdapat satu atau lebih ketakakuran, tetapi boleh juga berlaku apabila tiada terdapat ketakakuran.
29.	Tindakan pembetulan	Tindakan untuk menghapuskan penyebab kepada ketakakuran atau insiden dan mencegah daripada berulang.

30.	Prestasi KKP	Hasil yang boleh diukur terhadap pengurusan organisasi terhadap risiko KKP.
31.	Penambahbaikan berterusan	Proses bagi meningkatkan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan untuk mencapai peningkatan prestasi di dalam sistem ini secara keseluruhan.

4.0 KONTEKS ORGANISASI

4.1 PEMAHAMAN ORGANISASI DAN KONTEKS ORGANISASI

PPD perlu mengenalpasti isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan matlamat yang akan mempengaruhi kemampuan untuk mencapai keputusan yang dikehendaki oleh SPKKP.

PPD memantau dan mengkaji informasi tentang isu luaran dan dalaman yang berkenaan secara berkala untuk memastikan SPKKP yang dilaksanakan masih relevan dengan keperluan pihak tersebut.

Isu dalaman yang dikenalpasti adalah merujuk kepada;

- Strategik pengurusan
- Kelangsungan aktiviti
- Persekitaran kerja
- Kepuasan pekerja

Isu luaran yang dikenalpasti adalah merujuk kepada;

- Politik
 - Dasar dan polisi kerajaan
 - Harmonisasi polisi dan dasar kerajaan

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	14 / 40

ii. Ekonomi

Bajet yang terhad
 Penjimatan kerajaan
 Cukai
 Krisis ekonomi global

iii. Sosial

Peningkatan kehendak pelanggan

v. Teknologi

Sistem maklumat seperti e-Profilling, e-Perolehan

vi. Perundangan

Pertambahan keperluan undang-undang
 Kurang penguatkuasaan

vi. Persekitaran

Kesihatan dan Keselamatan
 Kebersihan
 Pencemaran
 Cuaca

4.2 PEMAHAMAN KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PPD perlu mengenalpasti :

- pihak yang berkepentingan selain dari pekerja yang berkaitan dengan SPKKP;
- keperluan dan jangkaan pekerja dan pihak yang berkepentingan dengan SPKKP;
- keperluan dan jangkaan pekerja yang berkaitan dengan keperluan perundangan dan keperluan lain.

Jadual 4.2.1 menunjukkan keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan.

NO	PIHAK BERKEPENTINGAN	KEPERLUAN DAN JANGKAAN
	Kerajaan Malaysia	Akta dan Perundangan, Tataamalan Industri yang diluluskan
1	Kementerian Pendidikan Malaysia	Pematuhan kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174)
2	Kementerian Kewangan Malaysia	Pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Pengurusan Aset terkini
3	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Pematuhan kepada Akta agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679)
4	Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)	Pematuhan kepada ETAC Accreditation ETAC Criterion 6: Facilities: <i>8.7.5 Safety, Health and Environment</i>
5	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)	Pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
6	Asia Pacific Accreditation and Certification Commision (APACC)	Pematuhan kepada APACC Accreditation APACC Criterion 6 : Other Resources <i>6.2.4 Labs, Workshops, and other facilities including maintenance management</i>
7	SIRIM QAS International Sdn Bhd	Pematuhan kepada MS ISO 9001: 2015
8	Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK)	Pematuhan kepada polisi dan arahan yang diterima
9	Pembekal luar	- Spesifikasi yang perlu dipatuhi - Pembayaran mengikut masa yang ditetapkan - Laporan Analisa Prestasi Pembekal
10	Pihak industri	- Latihan Industri Pelajar - Sangkutan Industri Pensyarah - Pencapaian dasar KKP dan KPI Politeknik - Pematuhan terhadap tataamalan

		industry, arahan kerja syarikat - Perkongsian kepakaran
11	Pelajar	- Kebolehpasaran graduan - Kemudahan fasiliti dalam keadaan baik - Program yang ditawarkan memenuhi kehendak industri
12	Ibubapa	- kebolehpasaran graduan - kemudahan fasiliti dalam keadaan baik - Program yang ditawarkan memenuhi kehendak industri
13	NIOSH	Pematuhan kepada ISO 45001:2018 Accreditation
14	Pekerja tetap / kontrak	- Memenuhi keperluan akta dan perundangan @ tataamalan industri yang berkaitan dengan KKP

Jadual 4.2.1 Keperluan Dan Jangkaan Pihak Berkepentingan.

4.3 MENENTUKAN SKOP SPKKP

PPD perlu mengenalpasti sempadan dan kesesuaian SPKKP yang diwujudkan untuk skop yang dilaksanakan.

Bagi menentukan skop, PPD perlu mempertimbangkan:

- isu luaran dan dalaman yang dirujuk dalam 4.1;
- keperluan pihak yang berkepentingan dan dirujuk dalam 4.2;
- perancangan atau pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	17 / 40

Skop pelaksanaan SPKKP ini merangkumi semua aktiviti PPD yang dijalankan oleh pensyarah, kakitangan, pelajar, dan lain-lain pihak yang terlibat secara langsung, atau tidak langsung yang mungkin terjejas oleh aktiviti yang dijalankan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM).

Skop pensijilan adalah peruntukan pelaksanaan sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan di Bengkel dan Makmal, JKM PPD. Bengkel dan Makmal terlibat adalah Bengkel Kimpalan (Blok Baru), Bengkel kimpalan (Blok Lama), Bengkel Mesin (Blok Baru), Bengkel Mesin (Blok Lama), Bengkel Automotif 1, Bengkel Automotif 2, Makmal Autronik, Bengkel Gegas, Bengkel Kepingan Logam, Makmal Automasi, Makmal Autocad, Makmal Sains Bahan, Makmal Metallurgy, Makmal Metrologi, Makmal Haba dan Bendalir, Makmal Loji, Makmal CNC Mill, Makmal CNC Lathe, Makmal EDM Wire-cut, Makmal Pneumatic & Hidraulik (Blok C), Makmal Elektro Pneumatik & Hidraulik, Makmal Hidraulik, Makmal Pneumatik, Makmal Plastik, Makmal CAD/CAM, Makmal Prinsip elektrik, Makmal PLC, Makmal Pengukuran Elektrik, Makmal Mikroprosesor, Makmal Air Cond, Makmal Komponen Mekanikal & Penyenggaraan.

Skop boleh didapati sebagai maklumat yang didokumenkan.

4.4 SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan, menyenggarakan SPKKP dan meningkatkan keberkesannya secara berterusan termasuk proses yang diperlukan dan interaksi, selaras dengan keperluan ISO 45001:2018.

Pelaksanaan SPKKP PPD adalah berasaskan kepada EMPAT (4) peringkat dokumen iaitu :

- i. Manual SPKKP
- ii. Prosedur dan Arahan Kerja
- iii. Dokumen Sokongan dan rekod yang ditentukan oleh pihak kerajaan dan Standard seperti ISO45001:2018
- iv. Rekod

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	18 / 40

5.0 KEPIMPINAN DAN PENGLIBATAN PEKERJA

5.1 Kepimpinan dan komitmen

Pengurusan Tertinggi PPD perlu menunjukkan kepimpinan dan komitmen tentang SPKKP dengan:

- a) mengambil tanggungjawab, kebertanggungjawaban untuk mencegah kecederaan dan penyakit kesihatan yang berkaitan dengan pekerjaan;
- b) memastikan dasar KKP dan objektif KKP yang berkaitan diwujudkan untuk SPKKP dan adalah bersesuaian dengan hala tuju strategik PPD;
- c) memastikan SPKKP diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian PPD;
- d) memastikan sumber yang diperlukan disediakan, dilaksanakan, diselenggarakan untuk menambah baik SPKKP;
- e) menghebahkan kepentingan mengenai kecekapan SPKKP dan pematuhan terhadap SPKKP;
- f) memastikan SPKKP mencapai jangkaan seperti yang dikehendaki;
- g) mengarahkan dan memberi sokongan kepada kakitangan yang menyumbang kepada kecekapan SPKKP;
- h) memastikan dan mempromosikan penambahbaikan secara berterusan;
- i) menyokong peranan pengurusan lain yang berkaitan untuk menunjukkan kepimpinannya, seperti yang terpakai dalam bidang tanggungjawabnya;
- j) membangunkan , memimpin dan mempromosikan budaya yang menyokong keberhasilan yang dikehendaki dalam SPKKP di PPD;
- k) melindungi pekerja daripada diambil tindakan ketika melaporkan insiden, hazard, risiko dan peluang;
- l) memastikan PPD mewujudkan dan melaksanakan proses rundingan dan penglibatan pekerja (rujuk 5.4);
- m) menyokong penubuhan dan fungsi jawatankuasa kesihatan dan keselamatan [(rujuk 5.4 e)1)].

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	19 / 40

5.2 Polisi KKP

Pengurusan Tertinggi PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan polisi KKP:

- a) mengandungi komitmen untuk mewujudkan keadaan kerja yang selamat dan sihat untuk mencegah kecederaan dan penyakit kesihatan dan bersesuaian dengan tujuan, saiz dan kontek PPD dan khusus kepada risiko KKP dan peluang KKP di PPD;
- b) menyediakan rangka kerja untuk menetapkan objektif KKP;
- c) mengandungi komitmen untuk memenuhi keperluan perundangan dan keperluan lain yang tertakluk kepada PPD;
- d) mengandungi komitmen untuk menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko KKP (rujuk 8.1.2);
- e) mengandungi komitmen untuk menambah baik secara berterusan SPKKP;
- f) mengandungi komitmen untuk perundingan dan penglibatan pekerja dan orang yang bertanggungjawab.

Polisi KKP perlu:

- boleh didapati sebagai maklumat yang didokumenkan;
- disampaikan dan boleh diperolehi dalam PPD;
- disediakan kepada pihak yang berkepentingan;
- disemak semula dari masa ke semasa bagi memastikan kesesuaiannya.

(Rujuk Dokumen PPD-MOSH-01-06: Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja PPD)

Nota: Dasar KKP yang telah dikaji semula dilampirkan dalam Lampiran.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	20 / 40

5.3 Peranan, tanggungjawab dan bidang kuasa organisasi

Pengurusan Tertinggi PPD bertanggungjawab memastikan tanggungjawab dan kuasa bagi peranan berkaitan adalah ditugaskan dan disampaikan dalam PPD. Maklumat diselenggara dan menjadi bahan yang didokumentasi.

Pengurusan Tertinggi PPD perlu menentukan tanggungjawab dan kuasa untuk:

- a) memastikan SPKKP akur terhadap keperluan ISO45001:2018;
- b) melaporkan prestasi SPKKP kepada pengurusan atasan.

Kuasa dan tanggungjawab semua staf yang mengurus, melaksana dan meluluskan kerja yang memberi kesan ke atas SPKKP dinyatakan dalam prosedur-prosedur yang diluluskan dalam SPKKP .

(Rujuk Dokumen MS ISO 9001:2015: PPD (S) -12 -KKP: Pengurusan KKP)

5.4 Rundingan dan Penglibatan kakitangan

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses rundingan dan penglibatan pekerja dan orang yang bertanggungjawab pada semua peringkat yang berkaitan dan berfungsi dalam pembangunan, perancangan, pelaksanaan, penilaian prestasi dan tindakan bagi menambah baik SPKKP.

PPD perlu:

- a) menyediakan mekanisma, masa, latihan dan sumber yang diperlukan untuk rundingan dan penglibatan;
- b) memperuntukkan jangkamasa untuk memperolehi maklumat yang jelas, dapat difahami dan relevan mengenai sistem pengurusan SPKKP;
- c) menentukan dan menghapuskan halangan yang boleh menjejaskan penglibatan dan meminimalkan halangan yang tidak dapat dihapuskan;
- d) menekankan rundingan bagi pekerja bukan pengurusan:
 - 1) menentukan keperluan dan jangkaan pihak yang berkepentingan (rujuk 4.2);

- 2) mewujudkan Polisi KKP (rujuk 5.2);
 - 3) menugaskan peranan PPD, tanggungjawab dan kuasa, seperti berkenaan (rujuk 5.3);
 - 4) menentukan cara mematuhi keperluan perundangan dan keperluan lain yang tertakluk kepada PPD (rujuk 6.1.3);
 - 5) mewujudkan objektif KKP dan merancang untuk mencapai (rujuk 6.2);
 - 6) menentukan kawalan yang sesuai untuk sumber luar, perolehan dan kontraktor (rujuk 8.1.4);
 - 7) menentukan apa yang perlu untuk dipantau, diukur, dan dinilai (rujuk 9.1);
 - 8) merancang, mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan program audit (rujuk 9.2.2);
 - 9) memastikan penambahbaikan berterusan (rujuk 10.3);
- e) menekankan penglibatan dari pekerja bukan pengurusan dalam:
- 1) menentukan mekanisma untuk rundingan dan penglibatan;
 - 2) mengenalpasti hazard dan menaksir risiko dan peluang (rujuk 6.1.1 dan 6.1.2);
 - 3) menentukan tindakan untuk menghapuskan hazard dan mengurangkan tahap risiko KKP (rujuk 6.1.4);
 - 4) menentukan keperluan kompetensi, keperluan latihan dan menilai latihan (rujuk 7.2);
 - 5) menentukan apa yang perlu dikomunikasi dan cara melaksanakan (rujuk 7.4);
 - 6) menentukan tindakan kawalan dan kecekapan pelaksanaan dan penggunaan (rujuk 8.1, 8.1.3 dan 8.2);
 - 7) menyiasat insiden dan ketidakpatuhan dan menentukan tindakan pembetulan (rujuk 10.2).

6.0 Perancangan

6.1 Tindakan Menyatakan Risiko dan Peluang

6.1.1 Umum

Apabila merancang SPKKP, PPD perlu mempertimbangkan isu yang disebutkan dalam 4.1 (keperluan) dan keperluan yang disebutkan dalam 4.2 (pihak berkepentingan) dan 4.3 (skop SPKKP) dan menentukan risiko dan peluang yang perlu dinyatakan untuk:

- a) memberi jaminan bahawa SPKKP boleh mencapai keberhasilan yang dimaksudkan;

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	22 / 40

- b) mencegah, atau mengurangkan kesan yang tidak diingini;
- c) mencapai penambahbaikan berterusan.

Apabila menentukan risiko dan peluang untuk SKPPK dan keberhasilan yang dimaksudkan, PPD perlu mengambil kira:

- hazard (rujuk 6.1.2.1);
- Risiko KKP dan lain-lain risiko (rujuk 6.1.2.2);
- Peluang KKP dan lain-lain peluang (rujuk 6.1.2.3);
- keperluan perundangan dan keperluan lain yang tertakluk kepada PPD (rujuk 6.1.3).

PPD dalam proses perancangan, perlu menentukan dan menilai risiko serta peluang yang berkaitan dengan keberhasilan SPKKP seiring dengan perubahan dalam PPD, proses atau SPKKP. Sekiranya perancangan berubah, secara kekal atau sementara, penilaian perlu diambil kira sebelum melaksanakan perubahan yang sebenar. (rujuk 8.1.3).

PPD perlu menyelenggara maklumat yang didokumentasikan tentang:

- risiko dan peluang;
- menentukan proses dan tindakan yang perlu dan menyatakan risiko dan peluang (6.1.2 – 6.1.4) dan dilaksanakan seperti yang dirancang.

6.1.2 Pengenalpastian Hazad, Penaksiran Risiko Dan Peluang (HIRARC)

6.1.2.1 Pengenalpastian Hazad

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk mengenalpasti hazard secara berterusan dan proaktif. Proses perlu mengambil kira, tetapi tidak terhad kepada:

- a) bagaimana kerja disusun, faktor sosial, (termasuk beban kerja, jam bekerja, penindasan, gangguan dan buli) kepimpinan dan budaya kerja dalam PPD;
- b) aktiviti rutin dan bukan-rutin, termasuk hazard berpunca dari:
 - 1) infranstruktur, peralatan, bahan, *substances*, keadaan fizikal tempat kerja;

- 2) rekabentuk produk dan perkhidmatan, kajian, pembangunan, menguji, pengeluaran pemasangan, pembinaan, penyampaian perkhidmatan, penyelenggaraan dan pelupusan;
- 3) faktor manusia;
- 4) bagaimana kerja dilakukan;
- c) insiden lepas yang berkaitan, dalaman dan luaran kepada PPD, termasuk kecemasan dan penyebab;
- d) potensi situasi kecemasan;
- e) manusia, dengan mengambil kira:
 - 1) sesiapa yang akses ke tempat kerja dan aktiviti, termasuk pekerja, kontraktor, pelawat dan orang lain;
 - 2) orang-orang di sekitar tempat kerja yang boleh terjejas oleh aktiviti-aktiviti PPD;
 - 3) pekerja di lokasi yang bukan di bawah kawalan langsung PPD;
- f) lain-lain isu termasuk:
 - 1) rekabentuk kawasan kerja, proses, pemasangan, mesin/peralatan, prosedur operasi dan kerja organisasi, termasuk penyesuaian mereka kepada keperluan dan kemampuan pekerja terlibat;
 - 2) situasi yang berlaku yang disebabkan aktiviti kerja di bawah kawalan PPD;
 - 3) situasi yang bukan di bawah kawalan PPD dan berlaku di sekitar tempat kerja yang boleh menyebabkan kecederaan dan penyakit kesihatan kepada orang di tempat kerja;
- g) perubahan sebenar atau yang dicadangkan dalam PPD, operasi, proses, aktiviti dan SPKKP (rujuk 8.1.3);
- h) perubahan dalam pengetahuan dan maklumat tentang hazard.

6.1.2.2 Penaksiran Risiko KKP dan Lain-lain Risiko Terhadap SPKKP

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses:

- a) menaksir KKP risiko ke atas hazard yang dikenalpasti, mengambil kira kecekapan kawalan sedia ada;

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	24 / 40

b) menentu dan menaksir lain-lain risiko berkaitan pengwujudan, implementasi, operasi dan penyelenggaraan terhadap SPKKP.

PPD perlu menyatakan metodologi dan kriteria penaksiran risiko KKP berhubung dengan skop, sifat dan kesesuaian masa untuk memastikan pendekatan secara proaktif dan digunakan secara sistematik. Maklumat mengenai metodologi dan kriteria yang didokumentasikan perlu diselenggara dan dikekalkan.

6.1.2.3 Penaksiran Peluang KKP dan Lain-lain Peluang Dalam SPKKP

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk menaksir:

a) peluang KKP untuk meningkatkan prestasi KKP dan mengambil kira perubahan dalam perancangan, polisi, proses atau aktiviti dan;

- 1) peluang menyesuaikan kerja, organisasi kerja dan persekitaran kerja kepada pekerja;
- 2) peluang untuk menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko KKP;

b) peluang lain untuk memperbaiki SPKKP.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-06 (a): HIRARC)

6.1.3 Menentukan Keperluan Perundangan dan Keperluan lain

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk:

a) menentukan dan boleh memperolehi keperluan perundangan terkini dan keperluan lain yang berkaitan dengan hazard, risiko KKP dan SPKKP;

b) menentukan bagaimana keperluan perundangan dan lain-lain keperluan diaplikasi dalam PPD dan apa yang perlu dihebahkan;

c) mengambil kira keperluan perundangan dan lain-lain keperluan dalam proses mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan bagi menambah baik SPKKP secara berterusan.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	25 / 40

PPD perlu menyelenggara dan mengekalkan maklumat yang didokumen mengenai keperluan perundangan dan keperluan lain dan perlu memastikan bahawa ia dikemas kini untuk menunjukkan sebarang perubahan.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-06 (b): Prosedur Perundangan dan Lain-lain Keperluan)

6.1.4 Perancangan Tindakan

PPD perlu merancang:

a) tindakan untuk:

- 1) menyatakan risiko dan peluang (rujuk 6.1.2.2 dan 6.1.2.3);
- 2) menyatakan keperluan perundangan dan keperluan lain (rujuk 6.1.3);
- 3) bersedia dan bertindak terhadap situasi kecemasan (rujuk 8.2);

b) bagaimana:

- 1) integrasi dan melaksanakan tindakan dalam proses SPKKP atau lain-lain aktiviti harian;
- 2) menilai kecekapan tindakan.

PPD perlu mengambil kira kawalan hierarki (rujuk 8.1.2) dan output dari SPKKP apabila merancang tindakan.

Apabila merancang tindakan, PPD perlu mengambil kira amalan baik, pilihan teknologi dan sumber kewangan, keperluan operasi dan perniagaan.

6.2 Objektif KKP dan Perancangan Untuk Mencapai

6.2.1 Objektif KKP

PPD perlu mewujudkan objektif KKP pada fungsi dan peringkat yang berkaitan supaya dapat mengekalkan dan menambah baik secara berterusan SPKKP dan prestasi KKP (rujuk 10.3)

Objektif KKP perlu:

- a) konsisten dengan Polisi KKP ;
- b) boleh diukur atau mampu dinilai prestasi;

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	26 / 40

c) mengambil kira:

- 1) keperluan yang ditentukan oleh PPD ;
- 2) keputusan penaksiran risiko dan peluang (rujuk 6.1.2.2 dan 6.1.2.3);
- 3) keputusan hasil rundingan dengan pekerja (rujuk 5.4); dan orang yang bertanggungjawab;

d) dipantau;

e) dihebahkan;

f) dikemaskini kepada yang sesuai.

6.2.2 Perancangan untuk mencapai Objektif KKP

Apabila merancang bagaimana untuk mencapai KKP objektif, PPD perlu menentukan:

- a) apa yang perlu dilakukan;
- b) apa sumber yang perlu;
- c) siapa yang bertanggungjawab;
- d) bila perlu diselesaikan;
- e) bagaimana keputusan boleh dinilai merangkumi indikator untuk dipantau;
- f) bagaimana tindakan untuk mencapai objektif KKP dan diintegrasikan dalam PPD proses perniagaan.

PPD perlu menyelenggarakan dan mengekalkan maklumat didokumentasikan ke atas objektif KKP dan perancangan untuk mencapai.

(Rujuk Dokumen PPD-OKKP-01: Objektif KKP PPD)

7.0 Sokongan

7.1 Sumber

PPD perlu menentukan dan menyediakan sumber yang diperlukan untuk mewujudkan, melaksanakan, menyelenggara dan menambahbaik secara berterusan terhadap SPKKP.

7.2 Kompetensi

PPD perlu:

- menentukan kompetensi yang diperlukan oleh pekerja yang mempengaruhi atau boleh mempengaruhi prestasi KKP;
- memastikan bahawa pekerja kompeten (termasuk kemampuan mengenalpasti hazard) berdasarkan pendidikan, latihan atau pengalaman yang sesuai;
- mengambil tindakan, jika berkenaan, untuk memperoleh dan mengekalkan kompetensi yang diperlukan, dan menilai keberkesanan tindakan yang diambil;
- menyimpan maklumat didokumentasikan yang sesuai sebagai bukti kompetensi.

7.3 Kesedaran

Pekerja perlu mengetahui:

- Polisi KKP dan Objektif KKP;
- sumbangan mereka terhadap keberkesanan SPKKP, termasuk manfaat prestasi yang ditambah baik;
- implikasi dan potensi akibat jika tidak mengakuri keperluan SPKKP;
- insiden dan hasil dapatan penyiasatan yang melibatkan mereka;
- hazard, risiko KKP dan tindakan yang dikenalpasti di mana berkaitan dengan mereka;
- kemampuan untuk menghindarkan diri mereka daripada situasi tempat kerja yang dianggap boleh mendatangkan bahaya dan serius kepada kehidupan atau kesihatan, begitu juga dengan pengaturan untuk melindungi diri daripada akibat yang tidak wajar dengan berbuat demikian.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-07 (a): Sumber, Kompetensi, Kesedaran)

7.4 Komunikasi

7.4.1 Am

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan komunikasi dalaman dan luaran yang berkaitan dengan SPKKP:

- perkara yang akan dikomunikasikan;
- bila perlu berkomunikasi;

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	28 / 40

c) dengan siapa perlu dikomunikasi:

- 1) komunikasi dalaman antara pelbagai peringkat dan fungsi yang ditentukan oleh PPD;
- 2) di kalangan kontraktor dan pelawat yang datang ke tempat kerja;
- 3) di kalangan pihak berkepentingan;

d) cara untuk berkomunikasi.

PPD perlu mengambil kira faktor kepelbagaian (contoh jantina, bahasa, budaya, kebolehan membaca dan menulis, ketidakupayaan)) ketika mempertimbangkan keperluan dalam komunikasi.

.

PPD perlu memastikan pandangan pihak berkepentingan diambil kira dalam mewujudkan proses komunikasi

Dalam mewujudkan proses komunikasi, PPD perlu:

- mengambil kira keperluan perundangan dan keperluan lain yang ditentukan oleh PPD;
- memastikan maklumat KKP yang akan dihebahkan adalah konsisten dengan maklumat yang diwujudkan oleh SPKKP, dan dipercayai.

PPD perlu memberi maklum balas kepada komunikasi yang berkaitan dengan SPKKP

PPD perlu menyimpan maklumat yang didokumenkan sebagai bukti komunikasinya, sekiranya sesuai.

7.4.2 Komunikasi Dalaman

PPD perlu:

- a) menghebahkan maklumat yang berkaitan SPKKP secara dalaman antara pelbagai peringkat dan fungsi di PPD termasuk perubahan dalam SPKKP;
- b) memastikan proses komunikasi membolehkan pekerja menyumbang kepada penambahbaikan berterusan.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	29 / 40

7.4.3 Komunikasi Luaran

PPD perlu menghebahkan maklumat yang berkaitan SPKKP kepada pihak luar seperti yang telah diwujudkan dalam proses komunikasi PPD dan mengambil kira keperluan perundangan dan keperluan lain.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-07 (b): Komunikasi)

7.5 Maklumat didokumentasikan

7.5.1 Am

SPKKP perlu:

- a) maklumat didokumentasikan mengikut piawaian ISO45001:2018;
- b) maklumat didokumentasikan mengikut keperluan PPD bagi keberkesanan SPKKP.

7.5.2 Mewujudkan dan Mengemas Kini

Apabila mewujudkan dan mengemaskini maklumat yang didokumentasikan, PPD perlu memastikan dengan sewajarnya:

- a) pengenalpastian dan keterangan (contoh, tajuk, tarikh, penulis atau nombor rujukan);
- b) format (contoh bahasa, versi perisian, grafik) dan media (contoh, kertas, elektronik);
- c) semakan semula dan kelulusan bagi kesesuaian dan kecukupan.

7.5.3 Kawalan Maklumat Didokumentasikan

Maklumat didokumentasikan yang diperlukan oleh SPKKP dan keperluan ISO45001:2018 ini perlu dikawal bagi memastikan:

- a) ia tersedia dan sesuai untuk digunakan, dimana dan bila ia diperlukan;
- b) ia dilindungi secukupnya (contoh , daripada kehilangan kerahsiaan, penggunaan yang tidak betul, atau kehilangan integriti).

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	30 / 40

Bagi mengawal maklumat yang didokumentasikan, PPD perlu menyatakan aktiviti berikut, jika terpakai:

- a) pengedaran, akses, dapatan semula dan penggunaan;
- b) penyimpanan dan pemeliharaan, termasuk pemelihara kemudahan bacaan;
- c) kawalan perubahan (contoh, kawalan versi);
- d) penyimpanan dan pelupusan.

Maklumat didokumentasikan yang berasal dari luar yang ditentukan penting oleh PPD bagi perancangan dan operasi SPKKP perlu dikenal pasti sewajarnya, dan dikawal.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-07 (c): Maklumat Dokumentasi)

8.0 Operasi

8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

8.1.1 Am

PPD perlu merancang, melaksanakan dan mengawal dan menyelenggara proses yang diperlukan bagi memenuhi keperluan SPKKP dan bagi melaksanakan tindakan yang ditentukan dalam Klausu 6, dengan cara:

- a) mewujudkan kriteria untuk proses;
- b) melaksanakan kawalan proses selaras dengan kriteria;
- c) menyelenggara dan mengekalkan maklumat didokumentasikan setakat yang perlu untuk memberi keyakinan bahawa proses telah dilaksanakan seperti yang dirancang;
- d) menyesuaikan kerja kepada pekerja.

Di tempat kerja berbilang majikan, PPD perlu menyelaraskan bahagian-bahagian SPKKP yang berkaitan dengan organisasi yang lain

8.1.2 Penghapusan Hazad dan Mengurangkan Risiko KKP

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk menghapuskan hazad dan mengurangkan risiko KKP dengan menggunakan hierarki langkah kawalan:

- menghapuskan hazad;
- menggantikan dengan proses yang kurang hazad , operasi, bahan atau peralatan;
- menggunakan kawalan kejuruteraan dan penyusunan semula kerja;
- menggunakan kawalan pentadbiran termasuk latihan;
- menggunakan PPE yang cukup.

8.1.3 Perubahan Pengurusan

PPD perlu mewujudkan proses untuk melaksanakan dan mengawal terhadap perubahan sementara dan tetap yang boleh mempengaruhi prestasi KKP:

- produk, perkhidmatan dan proses baru, atau perubahan produk, perkhidmatan dan proses sedia ada:
 - lokasi tempat kerja dan persekitaran;
 - organisasi kerja;
 - keadaan kerja;
 - peralatan;
 - tenaga kerja;
- perubahan keperluan perundangan dan keperluan lain yang ditentukan oleh PPD;
- perubahan pengetahuan atau maklumat mengenai hazad dan risiko KKP;
- perkembangan dalam pengetahuan dan teknologi.

PPD perlu mengkaji semula kesan perubahan yang tidak diingini, dengan mengambil tindakan untuk mengurangkan apa-apa kesan buruk.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-08 (a): Prosedur Perubahan Pengurusan)

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	32 / 40

8.1.4 Perolehan

8.1.4.1 Am

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk mengawal perolehan terhadap produk dan perkhidmatan bagi memastikan kepatuhan terhadap SPKKP.

8.1.4.2 Kontraktor

PPD perlu menyelaraskan proses perolehan dengan kontraktor supaya hazard dapat dikenalpasti dan diakses dan mengawal risiko KKP yang berpunca dari:

- a) aktiviti dan pengoperasian kontraktor yang memberi impak terhadap PPD;
- b) aktiviti dan pengoperasian PPD yang memberi impak kepada kontraktor;
- c) aktiviti dan operasi kontraktor yang memberi impak kepada pihak yang berkepentingan di tempat kerja.

PPD perlu memastikan keperluan dalam SPKKP dipatuhi oleh kontraktor dan pekerjaannya. PPD perlu definisikan dan mengaplikasikan kriteria kesihatan dan keselamatan pekerjaan ketika pemilihan kontraktor.

8.1.4.3 Sumber Luar

PPD perlu memastikan fungsi dan proses tenaga sumber luar dikawal. PPD perlu memastikan pengaturan sumber luar adalah konsisten dengan keperluan perundangan dan keperluan lain dan mencapai keberhasilan yang dikehendaki oleh SPKKP. Jenis dan tahap kawalan bagi mengawal kefungsi dan proses tenaga sumber luar adalah ditentukan mengikut SPKKP.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-08 (b): Prosedur Perolehan Dan Kontrak)

8.2 Persediaan Dan Tindakan Kecemasan

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses yang diperlukan untuk persediaan dan bertindak kepada potensi situasi kecemasan yang berpotensi seperti dalam 6.1.2.1:

- a) mewujudkan pelan tindakan kepada situasi kecemasan, termasuk peruntukan terhadap pertolongan pertama;
- b) membekalkan latihan kepada pelan tindakan;
- c) diuji secara berkala dan mengadakan latihan kemampuan pelan tindakan;
- d) menilai prestasi , kaji balik pelan tindakan, termasuk setelah menguji dan setelah situasi kecemasan berlaku secara khusus;
- e) berkomunikasi dan membekalkan maklumat yang berkaitan kepada pekerja mengenai tugas dan tanggungjawab mereka;
- f) berkomunikasi dan membekalkan maklumat yang berkaitan kepada kontraktor, pelawat, perkhidmatan kecemasan tindakan, pihak berkuasa dan komuniti setempat dan yang mana berkenaan;
- g) mengambil kira keperluan dan kemampuan dari pihak yang berkepentingan dan memastikan penglibatan kepada yang berkaitan, dalam pembangunan pelan tindakan.

PPD perlu menyelenggara dan mengekalkan maklumat yang didokumentasikan mengenai proses dan pelan untuk bertindak situasi kecemasan yang mungkin berlaku

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-08 (c): Prosedur Persediaan Dan Tindakan Kecemasan)

9.0 Penilaian Prestasi

9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian

9.1.1 Am

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses untuk memantau, mengukur, menganalisis dan menilai prestasi .

PPD perlu menentukan:

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	34 / 40

a) apa yang perlu dipantau dan diukur, termasuk:

- 1) pematuhan terhadap keperluan perundangan dan keperluan lain yang ditentukan oleh PPD;
- 2) aktiviti dan pengoperasian yang berkaitan dengan pengenpastian hazard, risiko dan peluang;
- 3) kemajuan pencapaian objektif KKP PPD;
- 4) kecekapan pengoperasian dan kawalan lain;

b) kaedah pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian prestasi yang diperlukan bagi memastikan keputusan yang sah;

c) Kriteria bagi PPD menilai prestasi KKP Jabatan Kejuruteraan Mekanikal;

d) bila pemantauan dan pengukuran perlu dilaksanakan.

e) bila keputusan pemantauan dan pengukuran perlu dianalisis, dinilai dan dikomunikasi.

PPD perlu menilai prestasi KKP dan menentukan keberkesanan SPKKP .

PPD perlu memastikan peralatan pemantauan dan pengukuran ditentukan atau disahkan boleh dipakai, diguna dan diselenggara kepada yang sesuai.

PPD perlu mengekalkan maklumat yang sesuai:

- sebagai bukti hasil pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian prestasi;
- penyelenggaraan, penentuan atau pengesahan pengukuran peralatan.

9.1.2 Penilaian Terhadap Pematuhan

PPD perlu mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan proses bagi penilaian pematuhan terhadap keperluan perundangan dan keperluan lain (rujuk 6.1.3).

PPD perlu:

- a) menentukan kekerapan dan cara penilaian terhadap pematuhan;
- b) menilai pematuhan dan mengambil tindakan jika perlu (rujuk 10.2) ;

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	35 / 40

- c) mengekalkan pengetahuan dan memahami status pematuhan berhubung dengan keperluan perundangan dan keperluan lain yang ditentukan oleh PPD;
- d) menyimpan maklumat didokumentasikan mengenai keputusan penilaian pematuhan.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-09 (a): Prosedur Pemantauan dan Pengukuran Prestasi)

9.2 Audit Dalaman

9.2.1 Am

PPD perlu melaksanakan audit dalaman secara berkala bagi melengkapkan maklumat bahawa SPKKP sama ada atau tidak:

- a) akur terhadap:
 - 1) keperluan dalam SPKKP PPD, termasuk Polisi KKP dan objektif KKP;
 - 2) keperluan ISO45001:2018;
- b) dilaksanakan dan diselenggarakan secara berkesan.

9.2.2 Program Audit Dalaman

PPD perlu:

- a) merancang, mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan program audit, termasuk kekerapan, kaedah, tanggungjawab, keperluan perancangan dan pelaporan, di mana mengambil kira kepentingan proses berkaitan, dan keputusan audit terdahulu;
- b) menentukan kriteria audit dan skop bagi setiap audit;
- c) memilih juruaudit dan menjalankan audit bagi memastikan keobjektifan dan kesaksamaan proses audit;
- d) memastikan bahawa keputusan audit dilaporkan kepada pihak pengurusan yang relevan, kepada pekerja, orang yang bertanggungjawab dan pihak berkepentingan;
- e) mengambil tindakan untuk menangani ketidakpatuhan dan memperbaiki prestasi KKP secara berterusan (rujuk Klausula 10);
- f) mengekalkan maklumat didokumentasikan sebagai bukti pelaksanaan program audit dan keputusan audit.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	36 / 40

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-09(b): Prosedur Audit)

9.3 Kajian Semula Pengurusan

Pengurusan atasan perlu mengkaji semula SPKKP, secara berkala, bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan .

Kajian semula pengurusan perlu mengambil kira:

- a) status tindakan daripada kajian semula pengurusan yang terdahulu;
- b) perubahan dalam isu-isu luaran dan dalaman yang relevan dengan SPKKP termasuk:
 - 1) keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan;
 - 2) keperluan perundangan dan keperluan lain yang ditentukan oleh PPD;
 - 3) risiko dan peluang;
- c) tahap pencapaian terhadap Polisi KKP dan Objektif KKP;
- d) maklumat tentang prestasi KKP, termasuk trend dalam:
 - 1) insiden, ketidakpatuhan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan;
 - 2) keputusan pemantauan dan pengukuran;
 - 3) keputusan penilaian ke atas pematuhan terhadap keperluan perundangan dan keperluan yang lain;
 - 4) keputusan audit;
 - 5) rundingan dan penglibatan pekerja;
 - 6) risiko dan peluang;
- e) kecukupan sumber untuk mengekalkan kecekapan SPKKP;
- f) relevan komunikasi dengan pihak yang berkepentingan ;
- g) peluang untuk penambahbaikan berterusan.

Output kajian semula pengurusan perlulah termasuk keputusan yang berkaitan dengan:

- kesesuaian yang berterusan, kecukupan dan keberkesanan SPKKP untuk mencapai keberhasilan yang dikehendaki;
- peluang untuk penambahbaikan berterusan;

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	37 / 40

- apa-apa keperluan untuk perubahan SPKKP;
- keperluan sumber;
- tindakan jika perlu;
- peluang untuk menambah baik integrasi antara SPKKP dengan aktiviti harian yang lain;
- apa-apa implikasi kepada arah strategik PPD.

Pihak atasan PPD perlu berkomunikasi output yang berkaitan dengan kajian semula pengurusan kepada pekerja dan orang yang bertanggungjawab (rujuk 7.4)

PPD perlu mengekalkan maklumat didokumentasikan sebagai bukti hasil kajian semula pengurusan.

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-09 (c): Prosedur Semakan Semula Pengurusan)

10.0 Penambahbaikan

10.1 Umum

PPD perlu menentukan peluang bagi penambahbaikan (rujuk Klausula 9), dan melaksanakan apa-apa tindakan yang perlu untuk mencapai keberhasilan yang dikehendaki dalam SPKKP.

10.2 Insiden, Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan

PPD perlu mewujudkan , melaksanakan dan menyelenggarakan proses ke atas laporan, melakukan penyiasatan dan mengambil tindakan, menentu dan menguruskan insiden serta ketidakpatuhan.

Apabila insiden atau ketidakpatuhan berlaku, PPD perlu:

a) bertindak balas terhadap insiden atau ketidakpatuhan itu dan jika berkenaan:

- 1) mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya;
- 2) menguruskan akibatnya;

b) menilai keperluan untuk mengambil tindakan pembetulan dalam menghapuskan penyebab insiden dan ketidakpatuhan, supaya tidak berulang atau berlaku di tempat lain dengan penglibatan pekerja (rujuk 5.4) dan pihak berkepentingan yang berkaitan, dengan cara:

1) menyiasat insiden atau kajian semula ketidakpatuhan;

2) menentukan penyebab kepada insiden atau ketidakpatuhan;

3) menentukan jika insiden serupa berlaku, dan kewujudan ketidakpatuhan, atau mungkin boleh berlaku;

c) kajian semula terhadap penaksiran risiko KKP dan risiko yang lain, jika berkenaan (rujuk 6.1);

d) menentukan dan melaksanakan apa-apa tindakan yang diperlukan, termasuk menyemak semula tindakan pembetulan yang berkait dengan kawalan hierarki (8.1.2) dan perubahan pengurusan (rujuk 8.1.3);

e) menilai risiko KKP bagi penemuan baru atau perubahan hazard sebelum tindakan diambil;

f) kajian semula kecekapan ke atas sebarang tindakan yang telah diambil termasuk tindakan pembetulan;

g) membuat perubahan dalam SPKKP, jika perlu.

Tindakan pembetulan perlu bersesuaian dengan kesan atau potensi kesan terhadap insiden atau ketidakpatuhan yang dihadapi.

PPD perlu mengekalkan maklumat didokumentasikan sebagai bukti:

a) keadaan insiden atau ketidakpatuhan dan apa-apa tindakan susulan yang diambil;

b) keputusan dan kecekapan terhadap apa-apa tindakan dan tindakan pembetulan

PPD perlu menyampaikan maklumat yang didokumenkan kepada pekerja, wakil pekerja dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

	SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN			
	Manual Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan			
	No Dokumen	Tarikh	Pindaan	Muka Surat
	PPD-MOSH-01	30/08/2019	01	39 / 40

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-10 (a): Prosedur Ketidakpatuhan dan Tindakan Pembetulan)

(Rujuk Dokumen PPD-POSH-10 (b) : Prosedur Penyiasatan Insiden)

10.3 Penambahbaikan Berterusan

PPD perlu secara berterusan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan SPKKP dengan mengambil kira:

- a) meningkatkan prestasi KKP;
- b) mempromosi budaya yang menyokong SKKP;
- c) mempromosi penglibatan pekerja untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan berterusan dalam SPKKP;
- d) menghebahkan keputusan mengenai tindakan penambahbaikan berterusan kepada pekerja dan orang yang bertanggungjawab;
- e) menyelenggarakan dan mengekalkan maklumat didokumentasikan sebagai bukti bagi tindakan penambahbaikan berterusan.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

POLITEKNIK PORT DICKSON

Adalah menjadi dasar Politeknik Port Dickson (PPD) untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjaannya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya bagi mencegah kecederaan dan penyakit pekerjaan.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan. Secara khususnya, dasar KKP PPD ialah:-

- Menyedia dan menyenggarakan suatu tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat dalam usaha menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko KKP;
- Memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- Menyiasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- Mematuhi kehendak-kehendak perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tataamalan yang diluluskan;
- Memastikan bahawa keselamatan dan kesihatan diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian dan penggunaan cara kerja selamat serta sihat;
- Menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan asas bagi semua pekerja termasuk peralatan pencegahan dan keselamatan diri; dan
- Untuk mengkaji semula dasar mengikut keperluan dari semasa ke semasa bagi penambahbaikan berterusan.

SAFETY

Ros Yaly

ROSLEE BIN YAHYA
Pegawai
Politeknik Port Dickson
20/02/2020



SAFETY
ZONE